



PANDUAN PEMBANGUNAN
PUTRAMOOC

KANDUNGAN

A

PENGENALAN KEPADA MOOC

B

PEMBENTUKAN PASUKAN

C

PERANCANGAN PERSEDIAAN KURSUS

D

LATIHAN BERKAITAN PEMBANGUNAN

KURSUS

E

KANDUNGAN KURSUS

F

RAKAMAN VIDEO PENGAJARAN

G

PENYEDIAAN AKTIVITI PENAKSIRAN

H

MINIMUM ITEM DI OPENLEARNING

I


PLATFORM MOOC MALAYSIA

A. PENGENALAN KEPADA MOOC

Dalam merancang hala tuju pendidikan negara untuk tempoh 2015-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (2015-2025). Pelan pembangunan ini menggariskan sepuluh Inisiatif Baharu. Salah satu inisiatif PPPM ialah Pembelajaran dalam talian secara Global atau *Globalised Online Learning* (GOL).

PPPM PT turut menggariskan Prinsip Asas, Strategi dan Inisiatif Keutamaan pelaksanaan GOL. Teknologi maju telah membolehkan internet menjadi satu pusat sumber maya tanpa batasan. Pelbagai maklumat dan bahan telah boleh dicapai dengan mudah dan percuma. Dalam konteks pendidikan, jenis bahan digital ini dipanggil Sumber Pendidikan Terbuka (*Open Education Resources*, OER). OER merupakan hasil daripada globalisasi. Dalam satu dekad ini, OER berkembang dengan pesat, pelbagai OER seperti *Open Courseware* (OCW) dan *Massive Open Online Course* (MOOC) telah diwujudkan. OCW merupakan OER yang dikumpulkan dan merangkumi sebahagian atau keseluruhan kursus.

MOOC pula adalah OCW yang ditambah dengan interaksi antara pengajar / pembantu pengajar dan pelajar, aktiviti pengajaran serta penaksiran secara atas talian sepenuhnya. MOOC diwujudkan dengan harapan dapat memberi akses pendidikan berkualiti yang saksama kepada semua secara dalam talian sepenuhnya. Rajah 1 dan Jadual 1 merumuskan perbezaan MOOC dengan bentuk e-Pembelajaran lain. *Massive* dan *open* menggambarkan bahawa penawaran kursus adalah terbuka, disampaikan secara atas talian sepenuhnya dan tiada had bagi bilangan pelajar yang ingin mendaftar. Pengetahuan yang boleh diperolehi melalui MOOC bermula dengan idea yang terkandung dalam kurikulum sesuatu kursus. Ilmu pengetahuan tersebut seterusnya berkembang bergantung kepada kandungan sumbangan peserta kursus contohnya melalui *peer review assignment*, forum dan juga berhubung dengan pelbagai media sosial menggunakan tag unik. Pembelajaran MOOC tidak terhad kepada tempoh kursus dan tidak terhad di dalam platform yang disediakan. Kandungan yang sedia ada pada awal kursus hanya merupakan titik permulaan perjalanan pembelajaran sesuatu kursus dalam mod MOOC, yang seterusnya menjerus ke arah pembelajaran kolaboratif.



Rajah 1: Bentuk e-Pembelajaran

Jadual 1: Perbandingan ringkas antara Pembelajaran Teradun, OER, OCW dan MOOC

	Mod	Penerangan Ringkas
Pembelajaran Teradun	Tertutup/ Terbuka	Program pendidikan formal di mana sebahagian daripada pengajaran dan penyampaian kandungan dilaksanakan secara dalam talian.
OER	Terbuka	Pelbagai bahan digital yang telah disalurkan ke mana-mana repositori. Tiada interaksi antara pengajar/pemilik bahan dengan pengguna.
OCW	Terbuka	Pakej bahan digital yang meliputi sebahagian atau keseluruhan kursus. Tiada interaksi antara pengajar/pemilik bahan dengan pengguna.
MOOC	Terbuka	Kursus terbuka (percuma atau berbayar) yang tidak terhad kepada bilangan penyertaan dan dilaksanakan secara sepenuhnya dalam talian melalui web. Tarikh mula dan tarikh kursus telah ditetapkan. Pengajar atau Pembantu Pengajar terlibat. Biasanya dalam bentuk video. Kuiz dan kerja kursus digunakan untuk memantau kemajuan.

B. PEMBENTUKAN PASUKAN

I. JAWATANKUASA PERINGKAT UNIVERSITI

- Penyelarasan - TNCAA, Pusat Pembangunan Akademik, Dekan/TDA/Penyelaras
- Pakar Kandungan Kursus/Content Developer
- Pakar Multimedia dan Teknikal
- Pakar Rekabentuk Pengajaran/Instructional Designer
- Pakar Bahasa (pilihan)

II. JAWATANKUASA PERINGKAT FAKULTI

- Dekan, TDA, Penyelaras dan pensyarah-pensyarah berkaitan untuk merancang dan menyediakan kandungan kursus (digalakkan perlu LEBIH DARIPADA SEORANG pensyarah yang terlibat untuk membantu, walaupun tidak terlibat sebagai pengajar)
- Pegawai sokongan (cth: Pembantu Pengajar/Tutor/Pelajar Pascasiswazah) untuk membantu memuat naik bahan pengajaran secara berkala, interaksi dengan pelajar.

C. PERANCANGAN PERSEDIAAN KURSUS

Membuat perancangan keseluruhan di peringkat fakulti melibatkan pasukan di fakulti:

- Kenal pasti Pengajar:
 - Boleh melebihi daripada seorang (1) pengajar. Dicadangkan sebaiknya lebih daripada seorang pengajar untuk pembangunan keseluruhan kursus
 - Sebaiknya Pengajar di pilih di kalangan pensyarah yang menguasai kandungan kursus dan bahasa pengantar (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris) dengan baik serta berkebolehan menyampaikan bahan pengajaran dengan jelas dan interaktif. (Kriteria tambahan: Pengajar di kalangan pensyarah yang kurang 'camera-shy')
 - Pensyarah yang boleh memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang pembangunan kursus, dan setiap kali proses penawaran pada awal semester (kursus MPU dan tujahan) sehingga tamat kursus kerana aktiviti interaksi dengan pelajar secara atas talian adalah berterusan (*continuous*)

- Medium pengajaran
 - Mestilah sepenuhnya di dalam Bahasa Inggeris untuk kursus umum dan tujahan
 - Pengecualian bagi kursus yang tidak dapat dielakkan penggunaan Bahasa Melayu seperti kursus MPU dan pembelajaran sepanjang hayat. (Bagi kursus-kursus sebegini sebaiknya disediakan sarikata)
 - Kenal pasti topik di dalam kursus
 - Melihat semula kesesuaian topik/sub topik untuk dilaksanakan
 - Memastikan topik kursus selari dengan tempoh 14 minggu rancangan pengajaran

D. LATIHAN BERKAITAN PEMBANGUNAN KURSUS

- CADe selaku wakil pengurusan pembangunan MOOC UPM akan menganjurkan siri latihan berkaitan pembangunan kursus MOOC
- Kumpulan pembangun daripada fakulti diwajibkan hadir sebagai salah satu pra syarat pembangunan

E. KANDUNGAN KURSUS

- Kumpulkan bahan pengajaran yang sedia ada dalam pelbagai format (cth: Slaid Powerpoint, video, gambar, audio dan lain-lain)
- Mengemas kini Bahan Pengajaran sedia ada supaya lebih menarik dan kandungan sesuai untuk dijadikan bahan MOOC
- Sekiranya bahan kursus tidak asli, pengajar perlu:
 - memohon kebenaran pemilik/*referencing* material daripada internet (link *http*, *date accessed*)
 - menangkap semula bahan kursus berbentuk gambar jika perlu
 - menghasilkan semula bahan kursus berbentuk video jika perlu

- Penyediaan kandungan kursus untuk rakaman video:
 - Cadangan durasi video pengajaran yang sesuai adalah tidak lebih daripada 5 minit untuk setiap video
 - Pengajar perlu menyediakan papan cerita (*storyboard*) dalam format PowerPoint yang bersesuaian dengan kursus. Contoh seperti di lampiran 1.
 - Kandungan kursus tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif
 - Pengajar perlu menyediakan bahan pengajaran dalam bentuk slaid pembentangan PowerPoint sekiranya menggunakan perisian i-Studio
 - Pakar Rekabentuk Pengajaran dan Pakar Multimedia dan Teknikal perlu menyemak papan cerita (*storyboard*) dan mencadangkan penambahbaikan

F. RAKAMAN VIDEO PENGAJARAN

Putra Innovation Studio

- Chroma Key
 - Teknik Chroma Key menggunakan latar biru/hijau
 - Pengajar perlu memakai pakaian selain daripada berwarna biru/hijau
 - berpakaian kemas/korporat
- Perisian i-Studio
 - Pengajar perlu menyediakan bahan pengajaran dalam bentuk slaid pembentangan PowerPoint sekiranya menggunakan perisian i-Studio
 - Teknik Chroma Key menggunakan latar biru/hijau
 - Pengajar perlu memakai pakaian selain daripada berwarna biru/hijau
 - berpakaian kemas/korporat

Rakaman di luar Putra Innovation Studio

- Lokasi rakaman perlu dijalankan di sekitar kawasan Lembah Klang dan Selangor sahaja
- Sekiranya rakaman luar kawasan perlu dilakukan, kos boleh ditanggung daripada sumber lain seperti PTJ pengajar
- Tempahan rakaman perlu dilakukan dalam tempoh tidak kurang tujuh (7) hari daripada tarikh rakaman

Tatacara Permohonan Rakaman

- Pengajar perlu membuat perbincangan dengan Pakar Multimedia dan Teknikal untuk menentukan jadual rakaman
- Anggaran tempoh: 1 hari diperlukan untuk rakaman syarahan seorang Pengajar bagi 1 topik (1 Topik/Pensyarah = 1 hari)
- Rakaman semula juga perlu diambil kira dalam perancangan jadual rakaman

Pasca Produksi

- Pakar Multimedia dan Teknikal akan membuat *post-production* (suntingan) video rakaman supaya ditambah baik dan lebih menarik (susun atur, animasi)
- Individu yang terlibat
 - Pakar Kandungan Kursus/*Content Developer*
 - Pakar Multimedia dan Teknikal

G. PENYEDIAAN AKTIVITI PENAKSIRAN

- Penilaian yang hendak dilaksanakan untuk kursus MOOC untuk peringkat awal mestilah yang mudah untuk diuruskan secara atas talian di mana melibatkan pelajar yang ramai
- Dicadangkan untuk setiap topik penilaian berkonsep '*machine-graded*' seperti soalan aneka pilihan & *mix and match* yang disediakan di dalam platform OpenLearning
- Aktiviti berbentuk *Problem-based/Case-Study/Project Based* boleh dilaksanakan sebagai pengenalan kursus dan setiap topik untuk menggalakkan *interactivity* dan *collaborative learning*.
- Penilaian akhir kursus perlu dibangunkan bagi mengukur pencapaian pelajar dalam kesemua hasil pembelajaran yang ditetapkan.

- Fakulti dan Pengajar perlu menyediakan bank soalan terlebih dahulu untuk memudahkan soalan-soalan ini dimuat naik ke platform PutraMOOC oleh Pembantu Pengajar

H. PLATFORM MOOC MALAYSIA

- Platform rasmi MOOC Malaysia adalah OpenLearning www.openlearning.com/putramooc



Rajah 2: Paparan platform OpenLearning

- Fakulti perlu menyediakan perkara berikut:
 - Memastikan setiap pengajar mendaftarkan akaun di OpenLearning
 - Maklumat tambahan seperti nama, biodata ringkas dan gambar pengajar untuk dimasukkan dalam platform OpenLearning
 - Bahan video pengenalan (teaser dan montaj) kepada kursus. Durasi video adalah 1-2 minit yang bertujuan untuk publisiti (teaser) dan gambaran keseluruhan (montaj). Digalakkan melibatkan wakil pengurusan fakulti (contoh dekan) di dalam video pengenalan.